



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

WACANA HARMONI MADANI : “HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN”

KOTA KINABALU, 14 September 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menganjurkan Wacana Harmoni MADANI: “Harmoni Dalam Kepelebagaian” bagi **berkongsi maklumat dasar-dasar negara, kajian dan penerokaan ilmu serta nilai-nilai murni dan amalan terbaik dalam menguruskan perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia**. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara di sini, hari ini.

Program anjuran bersama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Sabah ini antara lain bertujuan untuk **membudayakan amalan sebaran mesej keharmonian dan muhibah berasaskan konsep faham, hormat dan terima** dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum serta **meningkatkan kefahaman mengenai kepelebagaian agama, budaya dan adat resam** ke arah memperkukuh keharmonian dan perpaduan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang dalam ucapannya berkata, **”Meningkatkan keharmonian antara penganut agama adalah satu daripada agenda penting yang telah ditetapkan dalam hala tuju Kementerian selaras dengan agenda nasional membangun Malaysia MADANI”**.

Beliau berkata, **“defisit sosial adalah antara perkara yang perlu diberi perhatian supaya tidak menggugat pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia**. Dalam Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 2022, empat (4) daripada 10 kategori defisit sosial iaitu **pendidikan, agama, jurang generasi dan bahasa** didapati menggugat pencapaian tahap perpaduan rakyat secara tidak langsung. Agama telah menjadi satu daripada defisit sosial kerana kurang sensitiviti dan kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi masyarakat”.

Justeru, KPN telah mengambil inisiatif melancarkan inisiatif Harmoni MADANI pada April 2024 dengan mengetengahkan konsep **Faham, Hormat dan Terima** dalam usaha **meningkatkan keharmonian antara penganut agama**. Antara program-program yang telah dilaksanakan melalui inisiatif Harmoni MADANI ini ialah

sembilan (9) program Jejak Harmoni, empat (4) program Dialog Harmoni, podcast Bicara Harmoni bagi berkongsi nilai-nilai murni masyarakat Malaysia dan enam (6) siri dokumentari Harmoni. Dalam ucapannya, YB Datuk Aaron turut mengumumkan berkenaan **fokus utama KPN pada tahun 2025 iaitu Inisiatif Harmoni MADANI dengan tema “Harmoni Dalam Kepelbagaian”.**

Wacana ini menampilkan panelis yang terdiri daripada **ahli-ahli akademik, pemimpin-pemimpin agama, pengamal perundangan, generasi muda, dan belia** yang berhadapan secara langsung dengan kehidupan bermasyarakat di Malaysia. Antara topik yang dibincangkan melalui wacana ini ialah Peranan Agama Dalam Negara Merdeka, Jalinan Kerjasama Menjana Keharmonian Beragama, Peranan Generasi Muda Mendepani Perubahan Global dari Persepektif Agama dan Sesi dialog bersama Ikon Belia: Nilai-nilai Kecemerlangan.

Kementerian Perpaduan Negara

14 September 2024